

ADAZOL SUSPENSION

Albendazole (200mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Adazol
2. Bagaimana Adazol berfungsi
3. Sebelum menggunakan Adazol
4. Cara menggunakan Adazol
5. Semasa menggunakan Adazol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Adazol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Adazol

Ia digunakan untuk merawat jangkitan tunggal atau beberapa jenis cacing seperti cacing gelang, cacing kerawit, cacing tambang, cacing benang, cacing cambuk dan cacing pita.

Bagaimana Adazol berfungsi

Adazol mengandungi albendazole, tergolong dalam kumpulan ubat yang menghapuskan jangkitan cacing.

Sebelum menggunakan Adazol**- Bila tidak boleh menggunakan**

Jangan mengambil Adazol jika terdapat alahan kepada albendazole atau bahan tidak aktif yang terkandung dalam Adazol. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.
- Jangan mengambil ubat ini jika hamil atau disyaki hamil dan menyusukan anak.
- Tidak boleh diambil oleh kanak-kanak kurang daripada 1 tahun.

- Sebelum menggunakan Adazol

Albendazole hanya boleh diambil untuk rawatan penyakit hydatid (infestasi parasit oleh cacing pita) jika terdapat pengawasan teliti dengan pemonitoran darah.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Adazol**- Berapa banyak harus digunakan**

Dewasa atau kanak-kanak lebih 2 tahun:
Jangkitan cacing gelang, cacing tambang dan cacing cambuk: 400mg sebagai dos tunggal. Jangkitan cacing gelang, cacing pita dengan jangkitan cacing lain: 400mg untuk 3 hari berturut-turut. Boleh diulangi selepas 3 minggu, jika perlu. Kanak-kanak 1 – 2 tahun: Setengah dos dewasa. Ikat arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda

tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikat arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Gejala-gejala terlebih dos: gangguan gastrousus seperti loya, muntah dan ciribirit. Rawatan: merawat gejala-gejala yang berlaku.

Semasa menggunakan Adazol**- Perkara yang perlu dilakukan**

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Adazol. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Adazol kepada seseiap, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Tidak boleh diambil semasa hamil atau menyusukan anak. Albendazole meresap ke dalam susu ibu. Jadi, hentikan menyusukan anak semasa mengambil albendazole atau sekurang-kurangnya 5 hari selepas rawatan.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Adazol boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Kesan sampingan yang paling biasa ialah gangguan gastro usus seperti loya, muntah dan ciribirit. Kesan-kesan lain ialah sakit kepala, demam dan letih.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web nprr.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan Adazol**- Penyimpanan**

Simpan di tempat kering pada suhu 30°C. Jauhkan daripada cahaya. Jauhi semua ubat daripada capaian kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut**- Rupa dan warna produk**

Ampain putih dan berperisa oren.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: albendazole.
- Bahan tidak aktif: perisa oren, sodium carboxymethyl cellulose, methyl parabens, propyl parabens, sodium saccharin, cremophor RH40, tween 80, gula dan air.

- Nombor MAL

MAL06051420XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
 1505, Lorong Perusahaan Utama 1
 Taman Perindustrian Bukit Tengah
 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
 Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

17/04/2017

Nombor siri

BPFK(R4/1)170417/00083